



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PERDAGANGAN CANDU DI KEDAH SEMASA
PENTADBIRAN BRITISH,
1909-1941**

NUR AZRIN BINTI MOHAMMED MOHAYADDIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PERDAGANGAN CANDU DI KEDAH SEMASA
PENTADBIRAN BRITISH,
1909-1941

NUR AZRIN BINTI MOHAMMED MOHAYADDIN

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA SASTERA (SEJARAH)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024





Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

1

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada¹².....(hari bulan).....³..... (bulan) 20..²⁴....

i. Perakuan pelajar :

Saya, NUR AZRIN BINTI MOHAMMED MOHAYADDIN, M20211000202, FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PERDAGANGAN CANDU DI KEDAH SEMASA PENTADBIRAN BRITISH, 1909-1941.

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROFESOR MADYA DR. ADNAN BIN JUSOH (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PERDAGANGAN CANDU DI KEDAH SEMASA PENTADBIRAN BRITISH, 1909-1941.

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA SASTERA (SEJARAH) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

12/3/2024

Tarikh

PROF. MADYA DR. ADNAN JUSOH
Pensyarah
Jabatan Sejarah
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PERDAGANGAN CANDU DI KEDAH SEMASA PENTADBIRAN BRITISH,
1909-1941

No. Matrik / Matric's No.: M20211000202

Saya / I : NUR AZRIN BINTI MOHAMMED MOHAYADDIN

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (☒) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (☒) for category below:-

☐

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 12/3/2024

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur kepada Allah dengan izin dan limpah kurnia-Nya, saya Nur Azrin binti Mohammed Mohayaddin dapat menyiapkan disertasi ini dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris. Dalam melaksanakan kajian ini, pelbagai cabaran dan dugaan telah ditempuhi khususnya dalam mencari bahan-bahan kajian bagi melakukan penyelidikan. Namun demikian, berkat kesabaran dan sokongan pelbagai pihak, akhirnya saya dapat menyiapkan disertasi ini dengan jayanya.

Sekalung penghargaan kepada Prof. Madya Dr. Adnan bin Jusoh sebagai penyelia utama di atas bimbingan, dorongan, nasihat, teguran dan buah fikiran kepada saya sepanjang kajian ini dijalankan. Jutaan terima kasih saya ucapkan khas buat beliau. Selain itu, ucapan terima kasih juga kepada penyelia kedua Dr. Sahul Hamid bin Mohamed Maiddin atas teguran dan buah fikiran yang diberikan. Begitu juga kepada Prof. Madya Dr. Khairi bin Ariffin dan Dr. Siti Zahrah binti Mahfood serta semua pensyarah di Jabatan Sejarah kerana telah membuka mata dan minda serta membimbing saya selama berada di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Ucapan terima kasih juga kepada kakitangan Perpustakaan Tunku Bainun, Perpustakaan Awam Negeri Kedah, Arkib Negara Malaysia dan Arkib Negara Malaysia Cawangan Kedah/Perlis di atas bantuan dan kerjasama yang telah diberikan serta bantuan menggunakan bahan-bahan yang berkaitan dengan Disertasi ini.

Di samping itu, suka cita ingin ucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada suami, Mohammad Adzuwan bin Abu Bakar serta kedua ibu dan bapa serta mertua tersayang yang memberi bantuan, kata-kata perangsang dan doa restu dalam membantu saya menyiapkan disertasi ini. Seterusnya, tidak ketinggalan ingin saya merakamkan ucapan terima kasih buat rakan-rakan seperjuangan yang tidak jemu menghulurkan bantuan dalam menyiapkan kajian.

Akhir kata, terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung semasa disertasi ini disiapkan. Segala bentuk bantuan, dorongan dan teguran yang diberikan oleh semua pihak akan saya kenang hingga akhir hayat.





ABSTRAK

Kajian ini adalah untuk membincangkan perihal sejarah pentadbiran dan perkembangan perdagangan candu di Kedah semasa pentadbiran British, 1909 hingga 1941 serta sumbangan candu terhadap pembangunan negeri Kedah. Isu kajian juga menilai kesan akibat campur tangan British di dalam senario perdagangan candu di Kedah. Metodologi yang digunakan adalah kaedah kualitatif dengan membuat analisis dokumen dan manuskrip ke atas sumber-sumber primer dari Arkib Negara Malaysia dan Arkib Negara Malaysia Cawangan Kedah/Perlis, antaranya *Kedah Opium Report* dan *Report on Prepared Opium*. Analisis daripada sumber sekunder turut dilakukan dengan merujuk buku, artikel dan tesis di perpustakaan seperti Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah dan Selangor, Perpustakaan Tuanku Bainun (UPSI) dan Muzium Cina Negeri Sembilan. Dapatan kajian membuktikan kemuncak perkembangan perdagangan candu di Kedah berlaku setelah campur tangan British dalam sistem pentadbiran. Penubuhan Jabatan Monopoli Candu bagi menggantikan sistem hasil pajakan candu memberikan kelebihan kepada British kerana mereka mempunyai kawalan penuh terhadap keseluruhan aktiviti perdagangan candu. Malahan proses pengurusan menjadi lebih lancar ekoran daripada undang-undang dan enakmen yang dikuatkuasakan. Dapatan kajian juga menunjukkan perdagangan candu turut menyumbang kepada hasil pendapatan yang lebih baik kepada keseluruhan pembangunan negeri Kedah. Walau bagaimanapun, ia juga memberi kesan kepada masalah kesihatan dan sosial, seperti ketagihan candu dan peningkatan aktiviti jenayah di Kedah dari tahun 1909 hingga 1941. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan perdagangan candu mengalami perkembangan yang pesat setelah campur tangan British sehingga mampu melunaskan keseluruhan hutang kerajaan negeri Kedah. Implikasi kajian ini sangat penting dalam membuka lembaran baharu khususnya membantu agensi kerajaan serta institusi lain yang berkepentingan dalam mengkaji perkembangan candu di Kedah.



OPIUM TRADE IN KEDAH DURING BRITISH ADMINISTRATION, 1909-1941

ABSTRACT

This dissertation aims to discuss the history of administration and the development of the opium trade in Kedah during the British colonial period, from 1909 to 1941, as well as the contribution of opium to the development of the state of Kedah. The research issue also evaluates the effects of British intervention in the opium trade scenario in Kedah. The methodology used is qualitative method involving the analysis of documents and manuscripts from primary sources, such as the National Archives of Malaysia and the National Archives of Malaysia Kedah/Perlis Branch, including the Kedah Opium Report and Report on Prepared Opium. Analysis from secondary sources was also conducted by referring to books, articles and theses in libraries such as the Kedah and Selangor Public Library Corporation, the Tuanku Bainun Library (UPSI) and the Negeri Sembilan Chinese Museum. The findings of the study prove that the peak of the development of the opium trade in Kedah occurred after British intervention in the administrative system. The establishment of the Opium Monopoly Department to replace the opium lease revenue system gave the British an advantage because they had full control over the entire opium trade activity. In fact, the management process becomes smoother due to the laws and enactments that are enforced. The findings of the study show that the opium trade also contributes to a better income for the overall development of the state of Kedah. However, it also affects health and social problems, such as opium addiction and the increase in criminal activity in Kedah from 1909 to 1941. In conclusion, this study shows that the opium trade experienced rapid development after British intervention to the extent that it was able to pay off the entire state government debt. The implications of this study are very important in opening a new page, especially helping government agencies and other institutions interested in studying the development of opium in Kedah.

**KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Permasalahan Kajian	4
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Soalan Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	6
1.7 Skop Kajian	7
1.8 Tinjauan Kajian Lepas	9
1.9 Metodologi Kajian	17
1.10 Pembahagian Bab	19



1.11 Kesimpulan	22
-----------------	----

BAB 2 LATAR BELAKANG

2.1 Pendahuluan	23
2.2 Sejarah Awal Negeri Kedah	24
2.3 Sistem Pentadbiran Kedah Sebelum Tahun 1909	26
2.3.1 Kedah Di Bawah Naungan Siam	27
2.3.2 Kedah Di Bawah Pemerintahan Sultan Abdul Hamid Halim Shah (1881-1943)	30
2.3.3 Penubuhan Majlis Mesyuarat Negeri (MMN)	33
2.4 Sistem Pentadbiran Kedah Selepas Campur Tangan British 1909	35
2.4.1 Perjanjian Anglo-Siam 1909	35
2.4.2 Perjanjian Kedah-British 1923	38

2.5 Kesimpulan	42
----------------	----

BAB 3 PERKEMBANGAN PERDAGANGAN CANDU DI KEDAH, 1909-1941

3.1 Pendahuluan	44
3.2 Sejarah Kemasukan Candu Di Kedah	45
3.3 Faktor-Faktor Yang Mendorong Aktiviti Perdagangan Candu Di Kedah	47
3.4 Aktiviti Perdagangan Candu Di Kedah, 1909 Hingga 1941	54
3.4.1 Penghapusan Sistem Pajakan Candu	54
3.4.2 Penubuhan Jabatan Monopoli Chandu	55
3.4.3 Penubuhan Jabatan Monopoli Dan Kastam	62
3.4.4 Penubuhan <i>Kedah Opium Revenue Replacement Fund</i>	63



3.4.5 Hasil Pengeluaran Perdagangan Candu Di Kedah, 1909-1941	70
3.5 Kesimpulan	81
BAB 4 SUMBANGAN PERDAGANGAN CANDU DI KEDAH, 1909-1941	
4.1 Pendahuluan	82
4.2 Sumbangan Perdagangan Candu Terhadap Negeri Kedah	83
4.2.1 Pentadbiran Negeri	87
4.2.2 Pembayaran Hutang Kerajaan	89
4.2.3 Penambahbaikan Perkhidmatan Kesihatan Awam	93
4.2.4 Peruntukan Kepada Jabatan Kerajaan	98
4.2.5 Elaun Golongan Diraja	109
4.2.6 Pembangunan Prasarana Negeri	112
4.2.7 Peluang Pekerjaan	123
4.3 Kesan Pelaksanaan Sistem Monopoli Dan Kastam	124
4.4 Kesimpulan	128
BAB 5 ISU DALAM PERDAGANGAN CANDU DI KEDAH, 1909-1941	
5.1 Pendahuluan	132
5.2 Isu Dalam Perdagangan Candu di Kedah	133
5.2.1 Penyeludupan Candu	133
5.2.2 Penghisap Candu Tidak Berdaftar	138
5.2.3 Penggunaan <i>Chandu Dross</i>	146
5.2.4 Kes-kes Lain	149
5.2.5 Masalah Kesihatan	152
5.3 Usaha Mengatasi Isu Dalam Perdagangan Candu Di Kedah, 1909-1941	157



5.3.1	Pergerakan Anti-Candu	157
5.3.2	Penguatkuasaan Undang-Undang	160
5.4	Kesimpulan	166
BAB 6 KESIMPULAN		169
BIBLIOGRAFI		181
LAMPIRAN		193



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Jumlah candu yang dijual di negeri Kedah, 1907-1908	3
2.1	Senarai penasihat British di Kedah	39
3.1	Jumlah pekerja di lombong bijih timah, 1906-1913	51
3.2	Harga jualan candu bagi tahun 1909	58
3.3	Harga candu yang dijual oleh pemegang lesen	61
3.4	Nilai terkumpul oleh <i>Kedah Opium Revenue Replacement Fund</i> , 1931-1941	66
3.5	Senarai sekuriti yang diperuntukkan kepada <i>Kedah Opium Revenue Replacement Fund</i> , 1933	69
3.6	Nilai dagangan candu, 1909-1941	71
3.7	Kuantiti chandu import ke negeri Kedah, 1909-1941	79
4.1	Peratus sumbangan hasil jualan candu kepada pendapatan keseluruhan negeri Kedah, 1909-1922	83
4.2	Peratusan hasil pendapatan utama negeri Kedah untuk tahun 1935	85
4.3	Sekuriti yang berjaya dijual oleh Crown Agents, 1937	86
4.4	Perbelanjaan hasil negeri Kedah, 1910	88
4.5	Pembayaran faedah atas hutang kerajaan untuk tahun 1908-1934	91
4.6	Perbelanjaan Jabatan Kesihatan negeri Kedah bagi tahun 1905-1922	94





4.7	Bahagian perbelanjaan am (perkhidmatan kesihatan) yang berkaitan dengan dagangan candu dari tahun 1936 hingga 1940	96
4.8	Agihan perbelanjaan jabatan kerajaan yang berkaitan dengan candu dari tahun 1936 hingga 1940	98
4.9	Perbelanjaan di dalam Jabatan Monopoli dan Kastam dari tahun 1936 hingga 1940	101
4.10	Pembayaran emolumen untuk tahun 1936 hingga 1937	102
4.11	Pembayaran emolumen Jabatan Monopoli dan Kastam untuk tahun 1939 hingga 1941	103
4.12	Senarai pembayaran elaun rumah, 1941	105
4.13	Senarai pembayaran elaun pemangku, 1941	106
4.14	Pembayaran lain-lain perkara bagi tahun 1936 dan 1937	107
4.15	Pembayaran elaun Sultan dan keluarga diraja negeri Kedah, 1909-1922	111
4.16	Peruntukan untuk <i>Public Works Department</i> , 1910-1922	113
4.17	Peruntukan perkhidmatan pos dan telegraf, 1910-1922	121
4.18	Penjualan candu Di Kedah, 1921	126
5.1	Kesalahan berkaitan dengan jenayah candu	134
5.2	Senarai wakil penghisap candu, 1936	142
5.3	Bilangan penghisap candu berdaftar, 1930-1934	144
5.4	Jumlah penagih yang mendapatkan rawatan di hospital kerajaan di negeri Kedah, 1935-1940	153
5.5	Peristiwa penting di dalam perkembangan dan penguatkuasaan undang-undang bagi perdagangan candu di Kedah	160



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
3.1	Peratus pengeluaran negeri Kedah, 1918-1921	49
5.1	Cop permohonan yang ditolak, 1939	143

SENARAI SINGKATAN

A.H	<i>After Hegira</i>
DMK	Dasar Monopoli Kerajaan
H	Hijrah
kg	kilogram
KORRF	<i>Kedah Opium Revenue Replacement Fund</i>
MMN	Majlis Mesyuarat Negeri
NNMB	Negeri-negeri Melayu Bersekutu
NNS	Negeri-negeri Selat
S.M	Sebelum Masihi
SMSAHHS	Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid Halim Shah
SPHTB	Syarikat Perdagangan Hindia Timur Belanda



SENARAI LAMPIRAN

- A *Papaver somniferum*
- B Peta Negeri Kedah, 1939
- C Replika Bunga Mas dan Bunga Perak
- D Replika Tombak, Lembing dan Pedang
- E Situasi pemprosesan candu, di Kilang Candu yang terletak di Gulzarbagh, Patna, India.
- F Gambaran Keadaan Penghisap Candu di Tanah Melayu



BAB 1

PENGENALAN

Perdagangan candu di Kedah semasa pentadbiran British dari tahun 1909 hingga 1941 adalah bagi mengkaji perubahan yang berlaku ke atas dasar dan kesannya kepada senario perdagangan candu ekoran daripada campur tangan British. Sebelum kemasukan British di dalam sistem pentadbiran, kerajaan Kedah menggunakan sistem pajakan hasil candu dengan memberikan pajakan kepada para pengusaha lombong bijih timah. Namun sistem ini digantikan dengan penubuhan Jabatan Monopoli yang kemudian ditukar menjadi Jabatan Monopoli dan Kastam.

Perubahan dasar ini semestinya memberi kesan terhadap kegiatan candu bagi negeri Kedah. Justeru, kajian ini akan memperlihatkan bagaimana perkembangan candu di negeri Kedah berlaku dari tahun 1909 hingga 1941. Olahan bagi setiap bab



akan memaparkan sumbangan perdagangan candu di Kedah serta isu-isu yang muncul akibat campur tangan British di dalam sistem pentadbiran yang turut memberi kesan terhadap masyarakat tempatan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Menurut *The Opium and Chandu Enactment 1910*, *opium* atau candu adalah jus yang diperoleh daripada kapsul *Papaver somniferum*. (Rujuk lampiran A). Penyediaannya adalah dengan melarut, mendidih, memanggang dan penapaian sehingga menjadi ekstrak yang sedia diambil termasuk *chandu dross*.¹ Hans Derks mengatakan pengambilan candu sememangnya telah wujud di Tanah Melayu ketika zaman pemerintahan Belanda yang dibawa masuk oleh Syarikat Perdagangan Hindia Timur Belanda (SPHTB).²

Sementara itu, kegiatan perdagangan candu di Kedah bermula sebelum campur tangan British lagi. Walaupun menjadi sebuah negeri di bawah naungan Siam, namun dari segi ekonomi Kedah mempunyai kaitan dengan NNS (Negeri-negeri Selat) iaitu Pulau Pinang. Perdagangan candu di Kedah ketika itu dijalankan dengan menggunakan kaedah pajakan ladang candu, di mana kos pengurusan dan perkhidmatan diserahkan hanya kepada pihak yang mendapat hak pajakan atau dikenali sebagai Chinteng. Selanjutnya pada tahun 1869, pemerintah NNS menetapkan bahawa pemegang pajakan di Pulau Pinang juga turut memegang separuh bahagian daripada kawasan pajakan di

¹ 1957/0191156, The Opium and Chandu Enactment. 1910 Amendment Enactment 1916.

² D. Hans, *History of the Opium Problem the Assault on the East, ca. 1600-1950*, (Netherlands: Brill, 2012), 447-458.



Kedah bagi mengelakkan penyeludupan dari berlaku. Perdagangan candu di Kedah pada awalnya diuruskan oleh syarikat Hokkien dari Pulau Pinang dan perkara ini menunjukkan kesan positif terhadap hasil ekonomi negeri Kedah.³

Sebahagian besar pemajak candu di Kedah terdiri daripada bangsa Cina kerana mereka memiliki modal yang besar dan kukuh. Hal ini dibuktikan dengan catatan yang terkandung di dalam laporan hasil pajakan bagi mukim Merbok dan daerah Kuala Muda bagi tahun 1882.⁴ Laporan di dalam Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid Halim Shah (SMSAHHS) juga menyatakan bahawa sebahagian besar pajakan candu adalah melibatkan bangsa Cina. Walaupun demikian, terdapat juga pemajak berbangsa lain seperti Sidu Ghani dan Man serta pemajak wanita yang datang dari kalangan kerabat diraja namun pajakan yang dibuat adalah di dalam bentuk yang lain. Berdasarkan hasil pajakan yang dilaporkan bagi tahun 1882 di kedua-dua kawasan ini, hasil pajakan candu adalah penyumbang terbesar dengan kutipan sebanyak \$2,066.66.⁵ Hasil pajakan yang diperoleh turut digunakan oleh kerajaan Kedah sebagai modal pembangunan negeri dan juga untuk menampung keperluan golongan diraja.⁶

Jadual 1.1

Jumlah candu yang dijual di negeri Kedah, 1907-1908

Tahun	1907	1908	Jumlah
Tahil	21,914	19,700	499,314

Sumber: 232/300: *The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government for the Year 1327 A.H*, 48-49.

³ Cheng U. Wen, "Opium in the Straits Settlements, 1867-1910," *Journal of Southeast Asian History*, Vol. 2, No. 1, Mac (1961): 53, <http://www.jstor.org/stable/20067319>.

⁴ 1983/0024292, Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid, T.H 1304-1312 (T.M. 1886-1894), 1, 148-156.

⁵ Wan Shamsudin Mohd Yusof, Surat-Surat Sultan Abdul Hamid Halim Shah, Kedah Darulaman (1882-1943) dlm. *Warisan Mahawangsa Kedah*, (peny.) Mahani Musa dan Ahmad Jelani Halimi, (Kedah: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah, 2006), 56.

⁶ 1983/0024292, Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid, T.H 1304-1312 (T.M. 1886-1894), No.1, 153-154.

Dapatan data hasil jualan candu seperti **jadual 1.1** di atas membuktikan bahawa perdagangan candu di negeri Kedah sememangnya menjadi sumber penting di dalam pembangunan negeri walaupun sebelum penglibatan pihak British. Penurunan penjualan bagi tahun 1908 adalah disebabkan oleh pengurangan jumlah lombong bijih timah beberapa kawasan seperti di Kulim, Baling, Kuala Muda dan Kerian serta pengurangan pengambilannya di kawasan pertanian.⁷

1.3 Permasalahan Kajian

Perdagangan candu di Kedah bagi tempoh masa tahun 1909 sehingga 1941 mengalami perubahan ekoran daripada campur tangan British di dalam pentadbiran negeri. Sebelum tahun 1909, kerajaan negeri menggalakkan pajakan candu kepada kuasa luar serta pemodal yang berminat. Tambahan pula, tiada penguatkuasaan undang-undang tegas ketika itu yang turut menjadi faktor pendorong kepada kehadiran ramai pemodal asing. Namun, setelah campur tangan British menerusi Perjanjian Anglo-Siam 1909, senario perdagangan candu negeri Kedah mengalami perubahan. Perubahan ini berkait rapat dengan pembaharuan terhadap sistem pentadbiran yang diperkenalkan oleh pihak British yang mengikut corak birokrasi kolonial ditambah dengan kemasukan imigran Cina untuk mengisi kekosongan pekerjaan di sektor perlombongan bijih timah.

Seterusnya, British bertindak mengawal monopoli terhadap perdagangan candu yang selama ini dipajakkan oleh kerajaan Kedah serta mewujudkan peraturan berkaitan dengan jual beli candu. Jabatan Monopoli juga ditubuhkan yang kemudiannya ditukar

⁷ *Ibid*, 4.



kepada Jabatan Monopoli dan Kastam. Selanjutnya bagi tahun 1912, dilaporkan perdagangan candu meningkat kepada 43 peratus dari jumlah keseluruhan hasil pendapatan negeri.⁸ Hal ini kerana terdapat banyak permintaan candu terutamanya dari para pekerja lombong bijih timah. Walau bagaimanapun, campur tangan British memberi kesan secara tidak langsung kepada aktiviti perdagangan candu di Kedah dalam pelbagai bidang.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk melihat bagaimana perkembangan perdagangan candu di Kedah bagi tempoh masa antara 1909 hingga 1941 selepas campur tangan British.

Secara lebih khusus, adalah seperti berikut:

1. Membincangkan sejarah pentadbiran British di Kedah untuk tempoh 1909 sehingga 1941.
2. Membincangkan perkembangan perdagangan candu di Kedah tahun 1909 sehingga 1941.
3. Menganalisis sumbangan perdagangan candu terhadap ekonomi Kedah tahun 1909 sehingga 1941.
4. Menilai isu yang timbul terhadap kegiatan perdagangan candu kesan dari campur tangan British di dalam pentadbiran di Kedah, 1909-1941.

⁸ 1957/0608429, The Chandu Enactment 1337 (1919), 2.





1.5 Soalan kajian

Dengan merujuk kepada objektif yang disenaraikan, soalan kajian berkaitan penulisan ini adalah seperti berikut:

1. Apakah perubahan yang berlaku ketika pentadbiran British di Kedah bermula dari tahun 1909 sehingga 1941?
2. Bagaimanakah perkembangan perdagangan candu di Kedah bermula dari tahun 1909 sehingga 1941?
3. Sejauh manakah perdagangan candu memainkan peranan penting terhadap ekonomi negeri Kedah?
4. Apakah kesan pentadbiran British terhadap kegiatan perdagangan candu di Kedah dari tahun 1909 hingga 1941?



1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilakukan bagi melihat perkembangan perdagangan candu di Kedah bermula dari tahun 1909 sehingga 1941 setelah campur tangan British di dalam sistem pentadbiran. Dapatan analisis akan bermanfaat dan dijadikan simpanan pemerintah negeri Kedah bagi melihat bentuk pentadbiran yang dijalankan oleh British di dalam mengukuhkan ekonomi negeri. Kajian ini juga penting untuk melihat bagaimana langkah dan dasar yang dilakukan oleh pihak British dalam mengawal perdagangan candu yang akhirnya berjaya menjana keuntungan yang sangat besar di samping





memberi impak positif terhadap ekonomi negeri. Dapatan yang diperoleh merupakan satu perkara baharu dalam bidang ekonomi yang tidak begitu ditekankan sebelum ini.

Selain itu, hasil kajian juga diharapkan dapat menyumbang kepada pensejarahan pentadbiran di negeri Kedah serta boleh dijadikan sebagai sumber rujukan bagi proses penambahbaikan struktur pentadbiran kerajaan. Di samping itu, ia mampu memberikan gambaran sebenar pentadbiran British di Kedah pada tempoh masa tersebut dan boleh juga menyumbang kepada Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah dan Arkib Negara Malaysia cawangan Kedah/Perlis. Melalui kajian ini, diharapkan juga dapat memberi pengukuhan ilmu sejarah kepada masyarakat awam secara amnya dan generasi muda khususnya. Masyarakat akan memperoleh pengetahuan baharu bahawa perdagangan candu pernah berlaku di negeri Kedah dan memainkan peranan penting di dalam mengukuhkan ekonomi negeri itu. Penyelidik turut berharap agar kajian ini mampu membantu kepada pendokumentasian serta menjadi rujukan kepada bakal penyelidik lain yang berminat di dalam bidang sejarah selain dapat menyumbang kepada penambahbaikan sejarah.

1.7 Skop Kajian

Fokus bagi skop kajian adalah semasa tempoh pentadbiran British di Kedah dan kesannya terhadap perdagangan candu bermula pada tahun 1909 sehingga 1941. Kajian bermula dari tahun 1909 ekoran dari tindakan British memeterai satu perjanjian dengan Siam yang dikenali sebagai Perjanjian Anglo-Siam 1909. Justeru, secara rasminya Kedah kini mula menerima campur tangan British dan tidak lagi menjadi naungan





kerajaan Siam. Selanjutnya, campur tangan British di dalam sistem pentadbiran negeri menyebabkan aktiviti perdagangan candu di Kedah turut mengalami perubahan yang sangat ketara sehingga menyumbang kepada pendapatan terbesar negeri. Kajian berakhir pada tahun 1941 ekoran penyerahan Tanah Melayu yang dilakukan oleh British kepada Jepun. British berundur kerana kalah dalam serangan yang tidak dijangka oleh pihak Jepun ketika Perang Pasifik. Sehubungan itu, semasa pendudukan Jepun banyak perubahan dari aspek politik, pentadbiran dan ekonomi yang dilakukan. Perubahan ini menyebabkan segala dasar yang selama ini digunakan terhapus dan digantikan dengan dasar yang baharu.

Semasa penguasaan British, berlaku perubahan dan penstrukturan semula pentadbiran negeri bagi memulihkan kerajaan Kedah dari masalah hutang. Skop ruang ini dipilih bagi memaparkan kekuasaan British dalam mentadbir dan meluaskan pengaruhnya hingga memberi kesan terhadap perdagangan candu yang selama ini dimonopoli oleh kaum Cina. Di samping itu, negeri Kedah diambil sebagai latar tempat kerana kajian ingin menonjolkan bagaimana perdagangan candu memberi impak kepada ekonomi negeri Kedah yang sebelum ini bergantung pada industri pertanian seperti tanaman padi dan getah. Secara ringkasnya, perdagangan candu di Kedah bagi tempoh 1909 sehingga 1941 telah mengalami perubahan akibat campur tangan pihak British di dalam pentadbiran negeri.





1.8 Tinjauan Kajian Lepas

Antara penulisan berkaitan pentadbiran British dengan kegiatan perdagangan candu yang dirujuk adalah tulisan Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya berjudul “Sejarah Malaysia.” Terdapat bab di dalam penulisan ini yang menyentuh mengenai pentadbiran Kedah sebelum kedatangan British dengan kegiatan perdagangan candu. Penyelidikan yang dilakukan oleh penulis membuktikan bahawa ekonomi Kedah adalah berkait dengan Negeri-negeri Selat iaitu Pulau Pinang.⁹ Melalui sistem pajakan, firma Hokkien dari Pulau Pinang telah mengambil pajakan utama candu dan arak di kedua-dua negeri itu. Walau bagaimanapun, perbincangan mengenai candu dan pentadbiran dibuat secara umum dan tidak dijelaskan secara terperinci mengenai sistem pajakan candu yang berlaku ketika itu di Kedah kerana perbincangan penulis adalah menyeluruh ke atas kesemua negeri di Malaysia. Penulisan ini berlainan dengan hasil kajian penyelidik yang menerangkan mengenai sistem dilakukan oleh pemerintah Kedah secara terperinci dengan merujuk kepada sumber dari arkib.

Selanjutnya rujukan dilakukan terhadap penulisan berkaitan kegiatan perdagangan candu di Tanah Melayu khususnya di NNS dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB). Antaranya ialah, “*Opium in the Straits Settlements, 1867-1910*” yang ditulis oleh Cheng U Wen. Skop penulisan membincangkan mengenai candu yang menjadi bahan komoditi utama di NNS pada abad ke-19.¹⁰ Dilaporkan pada ketika itu, candu memberikan hasil yang sangat besar terhadap jajahan NNS. Menjelang 1904,

⁹ B. W. Andaya, & L. Y. Andaya, *Sejarah Malaysia*, (Petaling Jaya: Mcmillan Press Ltd., 1983), 223-224.

¹⁰ Cheng U. Wen, “Opium in the Straits Settlements, 1867-1910,” *Journal of Southeast Asian History*, Vol. 2, No. 1, Mac (1961): 52-75, <http://www.jstor.org/stable/20067319>.



candu menyumbang sebanyak 59 peratus daripada hasil keseluruhan NNS. Oleh itu, British berat hati untuk mengenakan langkah-langkah sekatan terhadap pengharamannya sepenuhnya. Artikel ini juga menerangkan secara terperinci situasi perdagangan candu yang berlaku termasuklah masalah yang timbul seperti penyeludupan dan ketagihan *chandu dross* yang memberi impak terhadap ekonomi pihak kolonial. Perbincangan diteruskan dengan gerakan anti-candu yang mula timbul pada awal abad ke-20 oleh masyarakat Cina yang mula mempunyai kesedaran terhadap kesan buruk penggunaan candu secara berlebihan. Akibat desakan dari gerakan anti-candu, British mula membuat beberapa sekatan terhadap penggunaan candu dalam kalangan penggunanya seperti penghapusan Sistem Pajakan Hasil Candu yang digantikan dengan Jabatan Monopoli Kerajaan. Walau bagaimanapun, dasar baharu yang dilakukan oleh pihak British ini lebih menguntungkan mereka berbanding dengan sistem pajakan. Walaupun mempunyai persamaan dengan kajian yang dilakukan penyelidik namun skop tempat dan masa kajian adalah berbeza. Penulis berfokus kepada NNS untuk tempoh masa hujung abad ke-19 serta awal abad-20 manakala penyelidik berfokus kepada negeri Kedah dari tahun 1909 hingga 1941.

Seterusnya adalah artikel tulisan Jayakumary Marimuthu dan Syamala Nair, “Candu dan Dasar Monopoli Kerajaan: Kesan Terhadap Kewangan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB), 1911 – 1940.”¹¹ Perbincangan di dalam penulisan ini menyentuh mengenai Dasar Monopoli Kerajaan (DMK) yang dibuat oleh pihak British ke atas aktiviti perdagangan candu dan impaknya terhadap ekonomi kerajaan di NNMB

¹¹ Jayakumary Marimuthu & Syamala Nair, “Candu dan Dasar Monopoli Kerajaan: Kesan Terhadap Kewangan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB), 1911 – 1940,” *Sejarah: Journal of History Department*, No. 29 (1), (2020): 96-116, <http://ojie.um.edu.my/index.php/SEJARAH/article/view/22502/11599>

untuk tempoh masa 1911 hingga 1940. Penulis menyatakan bahawa DMK memberikan kesan yang positif terhadap ekonomi kerajaan di NNMB. Kajian juga menunjukkan bahawa dasar ini berjaya memecahkan kekuasaan kaum Cina terhadap perdagangan candu. Namun demikian, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan dasar ini digantikan dengan Kumpulan Wang Rizab Penggantian Hasil Candu dan Dana Simpanan Khas kerana British sedar hasil dari jualan candu adalah tidak konsisten. Penulisan ini berlainan dengan kajian yang dilakukan oleh penyelidik yang memfokuskan kepada skop tempat yang berbeza.

Rujukan seterusnya dilakukan terhadap artikel penulisan Jayakumary dan Mohamed Ali Haniffa yang bertajuk “Kegiatan dan Perdagangan Candu di Perak Kurun ke-19.” Skop penulisan membincangkan bagaimana candu menjadi satu dagangan penting di dalam membangunkan ekonomi negeri Perak sejak sebelum kedatangan British. Hasil kajian mendapati setelah campur tangan British, penglibatan orang Melayu terutamanya Sultan dan pembesar yang sebelum ini dapat mengutip cukai dari hasil jualan candu ditamatkan.¹² Hal ini kerana British memperkenalkan Sistem Pajakan Hasil Candu dan mengetepikan peranan Sultan serta pemerintah sedia ada. Melalui sistem ini, pihak kolonial mampu mendapat keuntungan yang berlipat ganda tanpa perlu memikirkan hal-hal pengurusan candu kerana tanggungjawab tersebut diserahkan kepada kapitalis Cina yang juga merupakan pemilik lombong bijih timah. Apa yang membezakan penulisan ini dengan kajian penyelidik adalah skop masa dan tempat yang difokuskan. Penulisan ini memfokuskan pada negeri Perak sekitar abad ke-19 manakala penyelidik berfokus kepada negeri Kedah sekitar abad ke-20.

¹² Jayakumary Marimuthu & Mohamed Ali Haniffa, “Kegiatan dan Perdagangan Candu di Perak Kurun ke-19,” *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, Vol. 6, isu, 1, (2021): 27-38, <https://spaj.ukm.my/ajehh/index.php/ajehh/article/view/189>

Pengkaji turut membuat rujukan terhadap penulisan yang berkaitan dengan peranan orang Cina terhadap perdagangan candu. Antaranya penulisan Carl A. Trocki, “*Opium and the Beginnings of Chinese Capitalism in Southeast Asia*.” Skop artikel ini membincangkan hubungan antara hasil candu dan pembangunan perusahaan kapitalis di Asia Tenggara serta peranan candu dalam transformasi ekonomi Asia menjelang abad ke-18 dan 19.¹³ Penulis turut membincangkan mengenai ladang candu di Tanah Melayu yang wujud hasil daripada proses evolusi peniaga Cina dan buruh-buruh yang akhirnya membawa kepada kumpulan Kongsi Cina. Dapatan kajian di dalam artikel ini menyatakan terdapat pelbagai jenis ladang di Asia Tenggara pada abad ke-19 seperti ladang minuman keras, khinzir, pelacuran dan perjudian. Namun yang paling menguntungkan adalah ladang candu. Candu mampu menjana aliran tunai yang tinggi dan mewujudkan kumpulan pemodal yang besar, maka terdapat kaitan antara kelahiran kapitalis dengan ladang candu. Kajian penyelidikan berbeza dengan penulisan artikel ini hanya berfokus kepada perdagangan candu di Kedah namun rujukan dilakukan bagi memahami dengan lebih mendalam mengenai sistem ladang candu di Tanah Melayu.

Selanjutnya buku yang dirujuk adalah “*Chinese Business in the Making of Malay State, 1882-1941, Kedah and Penang*” yang ditulis oleh Wu Xiao An. Buku ini membincangkan perkaitan antara pentadbiran kolonial British serta fungsi bangsa Cina terhadap kemajuan ekonomi di Kedah dan Pulau Pinang pada tahun 1882 sehingga 1941. Melalui pembacaan, penyelidik mengetahui bagaimana Kedah cuba dilemahkan secara politik oleh keadaan serantau iaitu hubungan segi tiga antara Siam dengan British. Kedah cuba mengekalkan hubungan tradisional yang sudah lama terbina

¹³ Carl A. Trocki, “Opium and the Beginnings of Chinese Capitalism in Southeast Asia”, *Journal of Southeast Asian Studies*, 33 (2), (2002): 297, <https://core.ac.uk/download/pdf/10878831.pdf>

dengan Siam namun pada masa yang sama dari segi ekonomi, Kedah terikat dengan British di Pulau Pinang. Perbincangan di dalamnya menunjukkan bagaimana aktiviti import dan eksport, hubungan antara imigran Cina dengan pemerintah, pemilikan harta, rangkaian perniagaan serta kegiatan pajakan tanah yang berlaku di negeri Kedah. Penulis turut menyentuh isu penjualan serta perkembangan candu secara umum dan ringkas. Penulisan ini turut membincangkan dua tema yang saling berkait iaitu pembentukan rangkaian perniagaan di Kedah dan Pulau Pinang serta fungsi interaksi antara rangkaian dengan kedua negeri tersebut.¹⁴ Berbanding dengan kajian yang dilakukan, penulisan ini berfokus kepada hubungan rangkaian perniagaan keluarga Cina yang akhirnya membentuk komuniti di Pulau Pinang dan Kedah. Sebaliknya kajian penyelidikan berfokus kepada perdagangan candu di Kedah dan perkaitannya dengan dasar yang dibuat oleh pihak British.

Seterusnya adalah buku tulisan Victor Purcell yang berjudul “Orang-orang Cina di Tanah Melayu.” Perbincangan buku ini berkisar tentang sejarah orang Cina di Tanah Melayu. Penulis turut menyentuh aspek-aspek penting orang Cina di Tanah Melayu seperti penggunaan candu.¹⁵ Penulis melaporkan candu menjadi sumber pendapatan bagi NNS dan turut di bawa masuk ke Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB). Seterusnya satu laporan tiga jilid dibuat mengenai kesan pengambilan candu ke atas para penghisap yang majoritinya adalah pekerja di lombong bijih timah. Berdasarkan laporan yang dikeluarkan, candu dianggap sebagai tidak memberi kesan buruk dan pengambilannya tidak perlu dihentikan. Ia juga tidak mengakibatkan berlakunya

¹⁴ Wu Xiao An, *Chinese Business in the Making of a Malay State, 1882-1941*, (London: RoutledgeCurzon, 2003), 176-188.

¹⁵ Victor Purcell, *Orang-orang Cina di Tanah Melayu*, Nik Hasnaa Nik Mahmood (Terj.), (Skudai, Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 1997), 197.



jenayah yang besar melainkan kecurian kecil-kecilan. Perbincangan diteruskan untuk memperkenalkan pengharaman candu namun ia memberi kesan negatif kepada hasil pendapatan British. Penulis turut menyebut mengenai Jabatan Monopoli Kerajaan dan juga penggantungan ladang-ladang candu di negeri Johor, Selangor, Perak, Perlis dan Labuan. Namun perbincangan tidak menyentuh mengenai perkembangan perdagangan candu yang turut berlaku di negeri Kedah. Justeru, kajian penyelidik akan menyentuh aspek perdagangan candu di Kedah.

Selanjutnya, bahan berkaitan orang Cina dan perdagangan candu dirujuk menerusi tesis “Peranan Orang Cina dalam Perkembangan Ekonomi Kedah, 1909-1941” yang ditulis oleh Rozaini Ahmad. Skop penulisan membincangkan sejauh mana fungsi masyarakat Cina terhadap kemajuan ekonomi negeri Kedah dari tahun 1909 sehingga 1941 yang meliputi sektor perniagaan, pertanian, pemajakan dan perlombongan.¹⁶ Struktur tesis ini berfokus kepada ekonomi negeri Kedah selepas berlakunya Perjanjian Anglo-Siam 1909 yang memperlihatkan mula penglibatan British dalam pengurusan negeri. Dapatan dari penyelidikan memperlihatkan beberapa jenis sumber ekonomi yang banyak dikawal oleh kaum Cina. Hal ini kerana kebanyakan sektor yang terlibat adalah membabitkan golongan pemodal, peniaga dan orang-orang Cina yang berkait dengan perusahaan lombong bijih timah dan juga ladang kepunyaan para pemodal. Melalui monopoli ini, secara tidak langsung ia menenggelamkan orang Melayu sehingga berlakunya penindasan, namun penglibatan mereka adalah dengan kebenaran dari pihak pemerintah. Walau bagaimanapun, keseluruhan perbincangan adalah menjurus kepada peranan orang Cina sahaja. Kajian tesis ini mempunyai

¹⁶ Rozaini Ahmad, “Peranan Orang Cina dalam Perkembangan Ekonomi Kedah, 1909-1941,” (Ijazah Sarjana Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2018), iii.



persamaan dengan kajian penyelidikan dari skop masa namun apa yang membezakan adalah penyelidikan berfokus kepada perdagangan candu sahaja tanpa mengehendkan kepada orang Cina semata-mata.

Penyelidik turut menjadikan beberapa penulisan berkaitan pembasmian penggunaan candu di Tanah Melayu sebagai rujukan. Antaranya ialah artikel penulisan Lim Sei Fang dan Nordin Hussin, "Sejarah Pembasmian Perdagangan Candu di Negeri-negeri Selat tahun 1808-1940." Skop kajian membincangkan mengenai cara-cara yang diambil oleh pemerintah bagi mengurangkan kebergantungan terhadap candu di NNS.¹⁷ Kajian di dalam penulisan ini menyatakan bahawa majoriti candu di ambil oleh bangsa Cina. Justeru, pelbagai pertubuhan dan persatuan bersatu melaksanakan gerakan anti-candu yang tujuannya adalah sama untuk membasmi penggunaan dan perdagangan candu. Pihak British menyedari akibat buruk yang terjadi ekoran dari penggunaan candu yang tidak terkawal telah menimbulkan pelbagai masalah. Penulisan ini membuktikan sudah terdapat kesedaran terhadap penggunaan candu pada ketika itu di NNS. Walaupun mengambil masa yang lama untuk pihak British terus mengharamkan penggunaan candu namun terdapat juga usaha-usaha yang dilakukan sepanjang tempoh itu seperti mengharamkan terus penjualan candu di rumah-rumah pelacuran, mengambil alih urusan perdagangan candu dari dimonopoli golongan Cina, membina hospital untuk dijadikan sebagai pusat rehabilitasi dari ketagihan candu dan sebagainya. Terdapat beberapa persamaan antara artikel ini dengan kajian yang dilakukan penyelidikan, namun di NNS, pihak British terlibat secara langsung dengan pentadbiran negeri jika dibandingkan dengan negeri Kedah yang hanya menerima penasihat British

¹⁷ Lim Sel Fang & Nordin Hussin, "Sejarah Pembasmian Penggunaan dan Perdagangan Candu di Negeri-negeri Selat Tahun 1908-1940," *Geografia, Malaysian Journal of Society and Space*, Vol. 13 isu 4, (2017): 56-67, <http://journalarticle.ukm.my/12573/>



sahaja. Oleh itu, kajian yang dilakukan melihat kesan pentadbiran British ke atas perdagangan candu di Kedah dari 1909 hingga 1941.

Penulisan lain yang dijadikan rujukan adalah mengenai kegiatan lombong bijih timah dengan kegiatan perdagangan candu. “*The Malayan Tin Industry to 1914*” hasil tulisan Wong Lin Ken. Fokus buku ini adalah berkaitan dengan perlombongan bijih timah namun pada bab keempat, penulis mengatakan kos perlombongan adalah dipengaruhi oleh cukai yang dikenakan ke atas candu dan perubahan dalam cara mengutip hasil candu.¹⁸ Perbincangan oleh penulis turut menyatakan bahawa di NNS dan NNMB sudah terdapat gerakan yang memberi saranan agar aktiviti menghisap candu dihentikan dan sistem ladang candu dihapuskan. Namun cadangan ini dikatakan tidak berasas kerana para penghisap candu berkemungkinan akan menggantikan candu dengan dadah jenis morfin yang lebih berbahaya. Selain itu, British merasakan tidak akan ada cara lain yang boleh dilakukan untuk mengutip cukai dari orang Cina yang telah menghasilkan kekayaan dalam sektor perlombongan bijih timah. Penulis turut menyatakan jumlah penggunaan candu yang diimport ke Negeri-negeri Melayu. Namun seperti penulisan Victor Purcell, Wong Lin Ken juga tidak memberi tumpuan kepada negeri Kedah kerana tumpuan hanya diberikan kepada negeri NNMB. Oleh itu, kajian penyelidikan akan dilakukan ke atas perdagangan candu di Kedah ketika era pentadbiran British untuk melihat kesan dasar yang dilakukan ke atas perkembangannya.

¹⁸ Wong Lin Ken, *The Malayan Tin Industry to 1914*, (Tucson: Universiti of Arizona Press, 1965), 191.





Secara ringkasnya, berpandukan penulisan-penulisan yang dihasilkan sebelum ini, dapat dikatakan bahawa penulisan mengenai perdagangan candu di Kedah semasa pentadbiran British, 1909 hingga 1941 kurang diberi perhatian. Walaupun terdapat penulisan mengenai pentadbiran British dan kesannya ke atas perdagangan candu namun kebanyakannya menyentuh di NNS dan NNMB. Namun melalui pembacaan terhadap penulisan-penulisan ini secara tidak langsung memberi idea kepada penyelidik untuk membuat kajian terhadap perdagangan candu di Kedah semasa pentadbiran British untuk tempoh 1909 hingga 1941.

1.9 Metodologi Kajian



Metodologi kajian adalah perkara yang penting untuk menghasilkan kajian yang berkualiti dan mengelakkan timbulnya isu-isu dan persoalan kepada para pembaca. Empat proses yang perlu dipatuhi oleh setiap penyelidik iaitu heuristik, hermeneutik, pentafsiran dan yang terakhir penulisan sejarah. Analisis yang terperinci perlu dilakukan sebelum memulakan penulisan dengan disokong oleh sumber-sumber yang diakui kesahannya. Bagi menyiapkan kajian ini, kaedah kualitatif digunakan dengan menganalisis sumber primer dan sumber sekunder. Penyelidikan juga adalah berdasarkan dokumen rasmi dan tidak rasmi, buku, artikel dan juga peta.

Penyelidik mendapatkan sumber primer dari Arkib Negara Malaysia dan Arkib Cawangan Kedah/Perlis. Antara dokumen yang diperoleh adalah seperti Laporan Tahunan Negeri Kedah (*Kedah Annual Report*), bahan-bahan dari Fail SUK. K, Fail H.CO, Fail C.O, *Auditor Report*, SMSAHHS dan sebagainya yang terdiri daripada





memorandum, minit mesyuarat, kertas kerja, rekod rasmi kerajaan, telegram dan surat rasmi dari beberapa daerah di negeri Kedah. Selain itu, penyelidikan turut menjadikan surat khabar sebagai rujukan kerana terkandung maklumat-maklumat penting berkaitan dengan penyelidikan yang dilakukan.

Bagi sumber sekunder, penyelidikan dijalankan di Persatuan Sejarah Malaysia, Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Awam Selangor, Perpustakaan Tuanku Bainun, Muzium Cina Malaysia dan Dewan Perhimpunan Cina iaitu Muzium Cina Negeri Sembilan dengan merujuk kepada jurnal, artikel, buku-buku serta penerbitan yang lain. Menganalisis sumber sekunder membantu untuk memperkukuhkan lagi perbincangan dan penulisan yang dilakukan.



dalam. Kritikan luaran adalah proses yang dilakukan untuk mengesan ketulenan sumber primer dari sudut fizikal manakala kritikan dalaman adalah untuk menentukan logik dan kesahan isi kandungan dokumen setelah disahkan semasa proses kritikan luaran.¹⁹ Proses kritikan sumber ini penting untuk membantu menghasilkan karya yang bermutu dan tulen. Justeru semasa melaksanakan proses ini penyelidik perlu bersikap terbuka terhadap sumber-sumbernya. Seterusnya pentafsiran sejarah dijalankan iaitu menerangkan kembali sesuatu fakta atau peristiwa yang telah ditemui melalui dokumen-dokumen yang dikumpulkan dengan sudut pandangan yang munasabah.²⁰ Pada proses ini, tafsiran dilakukan mengenai peristiwa seperti sebenarnya ia berlaku,

¹⁹ Rozeman Abu Hassan, *Mengenal dan Mentafsir Sumber Sejarah*, (Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd, 2004), 41.

²⁰ Muhd Yusof Ibrahim, *Ilmu Sejarah Falsafah Pengertian Kaedah dan Pensejarahan*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2016), 220-221.





bergantung kepada tahap pemikiran dengan berhati-hati. Proses terakhir setelah maklumat di tafsir ialah pensejarahan, proses ini penting kerana jika tidak dilakukan maklumat dan data yang telah dikumpulkan tidak dapat diketahui oleh pembaca.

1.10 Pembahagian Bab

Secara amnya, keseluruhan struktur penulisan ini mempunyai enam bab iaitu:

Bab 1: Pengenalan



Penyelidik membahagikan penulisan ini kepada enam bahagian. Bab pertama adalah pengenalan yang berkaitan tajuk serta gambaran keseluruhan kajian. Penyelidik membuat penelitian dalam mendapatkan maklumat awal seperti tajuk, pendahuluan, latar belakang, permasalahan, objektif, skop, definisi istilah, kepentingan, tinjauan kajian lepas, metodologi, pembahagian bab serta rumusan. Perbincangan dalam bab dua menyentuh mengenai sejarah awal negeri Kedah dan sejarah kedatangan British di Kedah serta perubahan yang dilakukan oleh British selepas berlaku campur tangan. Bab tiga hingga bab enam penyelidik memfokuskan kepada perdagangan candu di Kedah semasa pentadbiran British untuk tempoh masa dari tahun 1909 sehingga 1941.





Bab 2: Latar Belakang

Bab kedua secara keseluruhannya membincangkan mengenai latar belakang negeri Kedah yang merangkumi kedudukan geografi, agama dan kepercayaan masyarakat. Pembincangan memberi perhatian terhadap sejarah awal negeri Kedah serta sistem pentadbiran negeri sebelum tahun 1909. Selanjutnya bab dua turut membincangkan peranan British di dalam sistem pentadbiran negeri Kedah setelah terjadinya Perjanjian Anglo-Siam 1909. Olahan pada bab ini juga menunjukkan bagaimana British melakukan perubahan di dalam memperkasakan ekonomi negeri serta melihat pembaharuan yang dilakukan secara keseluruhan terhadap sistem pentadbiran. Bab ini membincangkan secara umum bagaimana perubahan pentadbiran yang berlaku kesan kedatangan British di Kedah.



Bab 3: Perkembangan Perdagangan Candu Di Kedah, 1909-1941

Seterusnya, bab tiga akan membincangkan mengenai perkembangan aktiviti perdagangan candu di Kedah tahun 1909 sehingga 1941. Bab ini akan mengupas mengenai cara kemasukan candu, faktor-faktor yang mendorong aktiviti perdagangan candu di Kedah, serta perubahan yang dilakukan oleh kerajaan setelah campur tangan British di dalam sistem pentadbiran. Olahan bab ini turut menganalisis hasil pengeluaran candu di Kedah.



Bab 4: Sumbangan Perdagangan Candu Terhadap Ekonomi Kedah, 1909-1941

Bab keempat selanjutnya membincangkan mengenai sumbangan perdagangan candu terhadap ekonomi Kedah dari tahun 1909 sehingga 1941. Berbeza dengan bab 3, bab 4 mengupas bagaimana perdagangan candu berkembang sehingga menjadi penyumbang terbesar ekonomi negeri Kedah. Analisis dilakukan dengan melihat bagaimana penubuhan Jabatan Monopoli dan Kastam serta penubuhan kedai-kedai candu kerajaan dan hasil jualan candu yang akhirnya menyumbang kepada pembangunan negeri seperti pembayaran emolumen kakitangan kerajaan, elaun keluarga diraja, dana hospital, peningkatan prasarana serta memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat tempatan. Seterusnya, penilaian turut dilakukan terhadap sistem monopoli dan kastam yang diperkenalkan oleh pihak British serta kepada jenis pekerjaan yang wujud hasil

Bab 5: Isu Dalam Perdagangan Candu di Kedah, 1909-1941.

Perbincangan seterusnya beralih kepada isu yang timbul di dalam perdagangan candu di Kedah tahun 1909 sehingga 1941. Bab kelima ini adalah merupakan kesinambungan daripada perbincangan di dalam bab empat. Bab ini meneliti isu serta kesan yang muncul atas dasar dan peraturan yang dibuat oleh British terhadap perdagangan candu. Perbincangan turut memfokuskan kepada isu seperti penyeludupan, pengambilan *chandu dross*, masalah pendaftaran penghisap candu, isu kesihatan penghisap candu serta lain-lain perkara yang akhirnya membawa kepada penguatkuasaan undang-undang berkenaan perdagangan candu.

Bab 6: Kesimpulan

Bab keenam merupakan kesimpulan terhadap kajian yang dilakukan. Olahan di dalam bab ini merupakan penilaian secara keseluruhan pengkaji mengenai dapatan kajian yang diperoleh mengenai pentadbiran British di Kedah dari tahun 1909 hingga 1941 dan kesannya terhadap perdagangan candu. Ketepatan penulisan dengan tujuan kajian juga turut dinilai pada bab ini.

1.11 Kesimpulan

Kajian pentadbiran British di Kedah, 1909-1941 dan kesannya ke atas perdagangan candu adalah merupakan kesinambungan kepada penyelidikan-penyelidikan lepas berkenaan pentadbiran British di Tanah Melayu dan negeri Kedah khususnya. Penyelidikan ini memberi pemahaman yang baharu kepada masyarakat mengenai sejarah pentadbiran British di Kedah dan kesannya terhadap perdagangan candu bagi tempoh masa tersebut. Selain itu, penyelidikan ini juga dapat memenuhi kekurangan dalam kajian-kajian lepas yang hanya menumpukan kepada perubahan pentadbiran yang memberi kesan kepada ekonomi negeri. Kajian turut memaparkan secara keseluruhan pentadbiran British dan memberi peluang kepada pembaca untuk mengetahui apa yang sebenarnya berlaku ketika tempoh masa berikut kepada kegiatan perdagangan candu.